

### PENGECCUALIAN KEPADA KEPERLUAN BALASAN: SATU KAJIAN SEKSYEN 26 AKTA KONTRAK 1950

Adalah satu kaedah asas kepada Common Law bahawa suatu perjanjian yang boleh dikuatkuasa memerlukan unsur balasan.<sup>1</sup> Pihak menuntut mestilah telah mendapat janji pihak kena-tuntut sebagai balas janjinya sendiri. Seksyen 26 kepada Akta Kontrak Malaysia 1950 (disemak 1974) menyatakan bahawa satu perjanjian tanpa balasan<sup>2</sup> adalah terbatal melainkan salah satu dari pengecualian yang terdapat di dalamnya telah dipakai. Seksyen 26 berbunyi seperti berikut:

Sesuatu perjanjian yang dibuat tanpa balasan adalah ter-batal, kecuali —

- (a) Ia dinyatakan secara bertulis dan didaftarkan me-nurut undang-undang (jika ada) yang pada masa itu berkuatkuasa untuk pendaftaran dokumen se-demikian, dan dibuat berdasar atas kasih-sayang semulajadi antara pihak-pihak yang ada hubungan karib antara satu sama lain; atau kecuali
- (b) Ia sesuatu janji untuk memampaskan, keseluruhan atau sebahagiannya, kepada seseorang yang telah

<sup>1</sup>Pengecualian yang diiktirafkan dengan jelas kepada keperluan balasan di dalam Undang-Undang Inggeris ialah satu janji yang terkandung di dalam suatu dokumen yang "ditandatangani, dimeterikan dan diserahkan" atau apa yang dipanggil kontrak yang dimeterikan. Ada terdapat beberapa keadaan di dalam undang-undang Inggeris yang diiktirafkan sebagai kontrak yang boleh dikuatkuasakan walaupun balasannya adalah tidak jelas, misalnya surat kredit bank jenis "irrevocable credit." Untuk perbincangan lanjut mengenainya dan perkara-perkara yang berkaitan, lihat Treitel, *The Law of Contract* (Edisi ke-5), m.s. 96-106.

<sup>2</sup>Balasan adalah ditakrifkan oleh S. 2(d) seperti berikut: "menurut kehendak pembuat-janji apabila penerima janji atau siapa sahaja yang telah membuat atau telah menahan diri dari membuat sesuatu, atau membuat atau menahan diri dari membuat sesuatu, maka perbuatan atau penahanan diri atau janji itu adalah disebut balasan untuk janji itu." Bukanlah tujuan rencana ini untuk membincangkan aspek-aspek takrifan ini. Untuk mendapatkan perbincangan yang lanjut mengenai Doktrin Balasan secara keseluruhannya lihat Visu Sinnadurai, *Doctrine of Consideration under the Malaysian Contracts Ordinance (1972)* 3 *Lawasia* 483. Lihat juga V.G. Ramachandran *The Law of Contract in India* (Vol. I), m.s. 176-209.

berbuat sesuatu secara sukarela untuk pembuat janji, atau berbuat sesuatu yang pembuat-janji boleh dipaksa di sisi undang-undang untuk membuat; atau kecuali

- (c) Ia sesuatu janji, yang dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang menanggungnya, atau oleh agennya, yang diberi kuasa secara am atau khusus untuk maksud itu, supaya membayar keseluruhan atau sebahagian daripada sesuatu hutang, yang pembayarannya boleh dikuatkuasakan oleh sipiutang seandainya tidak ada undang-undang mengenai batasan guaman.

Dalam mana-mana kes itu, perjanjian sedemikian adalah suatu kontrak.

*Huraian 1:* Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menyentuh sahnya sesuatu hadiah yang diberi dengan sebenarnya di antara pemberi dan penerima.

*Huraian 2:* Sesuatu perjanjian di mana persetujuan pembuat-janji diberi secara bebas tidaklah terbatal hanya kerana sesuatu balasan itu tak memadai, tetapi takberpadanya balasan itu boleh dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam menentukan persoalan sama ada persetujuan pembuat-janji itu diberi secara bebas.

Tujuan rencana ini adalah untuk mendalami ketiga-tiga pengecualian yang disebut di dalam seksyen 26 di atas.

#### KECUALIAN PERTAMA

Kecualian pertama dipakai apabila perjanjian tanpa balasan itu adalah

- (i) dinyatakan secara bertulis dan didaftarkan di bawah undang-undang (jika ada) yang pada masa itu berkuatkuasa untuk pendaftaran dokumen itu, dan
- (ii) dibuat di atas kasih-sayang semulajadi, dan

- (iii) di antara pihak-pihak yang ada hubungan karib antara satu sama lain.

Pengecualian sedemikian adalah tidak wujud di bawah undang-undang Inggeris yang tidak mengiktirafkan kasih-sayang semula jadi sebagai balasan. Undang-undang Inggeris mempunyai satu kecualian yang am, iaitu kontrak yang dimeterikan.<sup>3</sup> Kontrak yang dimeterikan boleh berkuatkuasa tanpa balasan dengan tidak mengira siapakah pihak-pihak yang berkenaan dan dengan tidak mengira motif perjanjian tersebut.

Pengecualian Inggeris yang am, iaitu kontrak yang dimeterikan, telah tidak diterima sebagai suatu pengecualian di bawah undang-undang India. Di dalam *Kaliprasad Tewari v. Raja Sabib Prasad Sen*<sup>4</sup> Privy Council dalam satu rayuan dari India telah menerima satu keputusan India yang lebih awal bahawa "tidak pernah diputuskan di India bahawa satu kontrak yang dimeterikan dengan sendirinya memuaskan balasan untuk janji itu."

#### MENULIS DAN MENDAFTAR

Untuk membangkitkan kecualian yang wujud di bawah S. 26(a) perjanjian itu mestilah dibuat secara bertulis. Mengikut satu keputusan Mahkamah Rayuan di Perak, *Re Tan Soh Sim*,<sup>5</sup> adalah tidak perlu untuk kedua-dua pihak iaitu pembuat-janji dan penerima janji, menyempurnakan dokumen itu. Satu dokumen yang mengandungi janji pembuat-janji dan diterima sebagai dokumennya adalah mencukupi bagi tujuan S. 26(a). Di dalam kes itu, waris sah kepada seorang simati tidak berwasiat telah mengenyakan (tanpa balasan) hak mereka untuk menuntut harta pesaka simati bagi menafaat anak-anak angkat simati. Berdasar kepada Enakmen Pembahagian Harta Pesaka yang berkuatkuasa di Perak pada masa itu anak-anak angkat itu tidaklah berhak mendapat bahagian dari harta pesaka itu. Pengenyapan yang dibuat oleh waris-waris sah itu terkandung di dalam satu dokumen yang telah ditandatangani oleh waris-waris tadi. Anak-anak angkat itu tidak menandatangani. Kes ini akan

<sup>3</sup> Untuk satu perbincangan mengenai kontrak yang dimeterikan lihat Treitel, *Law of Contract* (Edisi ke 5), m.s. 103-106.

<sup>4</sup> (1869) 2 B.L.R. III (P.C.)

<sup>5</sup> [1951] M.L.J. 21

dibincangkan dengan mendalam di bahagian lain di dalam rencana ini.<sup>6</sup> Setakat ini adalah memadai jika dirujuk kepada sebahagian daripada apa yang telah dikatakan oleh Tuan Hakim Briggs. Yang Arif Hakim itu telah berkata<sup>7</sup> :

"... Di dalam kes ini mereka yang tidak berhak menerima faedah dari dokumen itu telah menyampaikan penerimaan kepada cadangan yang terkandung di dalam dokumen itu dengan cuba menguatkuasakannya secepat mungkin. Dengan ini, saya berpendapat, ia adalah memadai untuk menjadikan cadangan itu sebagai janji dan dokumen itu menjadi suatu perjanjian. Dengan itu ia menjadi suatu kontrak, jika ia memenuhi keperluan-keperluan (a) kepada seksyen 26. Keperluan pertama ialah ia mestilah "dinyatakan secara bertulis." Saya tidak mendapat apa-apa sebab untuk menyatakan bahawa ia tidak dinyatakan sedemikian. Cara yang formal adalah bertentangan dengan semangat Ordinan [Kontrak]. Seksyen tersebut tidak menyatakan bahawa perjanjian, yang sepihak, mestilah disempurnakan oleh mereka yang dihajatkan untuk menerima faedah, dan ia tidak menyatakan bahawa adanya kasih dan sayang itu mesti disebut. Contoh (b) kepada seksyen itu tidak dapat menolong mana-mana hujah ini. Saya berpendapat perjanjian itu telah "dinyatakan secara bertulis" mengikut makna seksyen itu."

Tidak juga terdapat keperluan yang pembuat-janji mesti menandatangani dokumen itu kerana seksyen tersebut tidak menyatakan "bertulis dan bertandatangani". Dalam satu kes Madras, *Venkatasamy Naidu v. Rangasamy Naidu*<sup>8</sup> pihak kena tuntutan telah berjanji tanpa balasan di dalam satu perjanjian yang berdaftar bahawa dia akan menjelaskan hutang abangnya kepada pihak ketiga. Janji tanpa balasan itu dibuat di atas kasih-sayang semulajadi. Pihak kena tuntutan tidak menandatangani dokumen yang berkenaan. Walaupun begitu mahkamah memutuskan bahawa dia terikat kepada janjinya.

Di Malaysia tidak ada mana-mana undang-undang yang menyatakan bahawa satu dokumen seperti yang dirujuk oleh S. 26(a) perlu didaftarkan oleh mana-mana pihak.

<sup>6</sup> Lihat m.s. 228 rencana ini

<sup>7</sup> [1951] M.L.J. 21 pada m.s. 28

<sup>8</sup> (1908) 13 M.L.J. (Madras Law Journal) 428

**KASIH-SAYANG SEMULAJADI**

Perjanjian itu hendaklah dibuat oleh kerana kasih-sayang semulajadi. Tidaklah perlu bagi perjanjian tersebut menyatakan sedemikian akan tetapi adalah dinasihatkan untuk tujuan memastikan supaya merujuk dengan nyata kepada kasih-sayang semulajadi di dalam mana-mana dokumen yang disediakan. Di mana sesuatu dokumen tidak menyatakan tentang adanya kasih-sayang semulajadi maka ia boleh dibuktikan dengan keterangan lain. Jika perjanjian itu membisu mengenai kasih-sayang maka adalah terletak ke atas penerima janji untuk membuktikan bahawa perjanjian tersebut adalah dibuat kerana itu.

Kadangkala perjanjian itu sendiri akan menunjukkan bahawa ia tidak dibuat oleh kerana kasih-sayang semulajadi. Kes sedemikian ialah kes di Calcutta, *Rajlukby Dabee v. Bhoonath Mukerjee*.<sup>9</sup> Suatu perjanjian di antara suami dan isteri yang selepas merujuk kepada pertelingkahan dan pergaduhan mereka, bersambung begini:

"Dengan berlakunya keadaan tidak sesuai di beberapa segi bagi anda untuk diam seperti yang dikatakan tadi dan dengan mendapati bahawa adalah susah bagi anda untuk tinggal bersama-sama dengan keluarga saya maka anda telah menuntut nafkah yang wajar dan tempat tinggal yang sesuai daripada saya. Dengan itu saya membuat peruntukan berikut untuk nafkah dan tempat tinggal anda melalui *ekrarnama* ini."

Perjanjian itu telah didaftarkan. Isterinya telah mendakwa untuk mendapat tunggakan elaunnya yang harus dibayar menurut perjanjian itu. Mahkamah telah memutuskan bahawa perjanjian itu tidak boleh berkuatkuasa oleh kerana ia tidak dibuat di atas kasih-sayang semulajadi. Sama juga dengan kes *I. v. G.*<sup>10</sup> di mana satu perjanjian di antara sepasang suami-isteri dengan mana seisteri berjanji tidak akan menghubungi atau mengacau suaminya didapati tidak mempunyai unsur kasih-sayang semulajadi.

Tidak terdapat kaedah bahawa kasih-sayang semulajadi itu boleh dianggap ada oleh kerana tali persaudaraan pihak-pihak

<sup>9</sup>(1900) 4 Cal WN 488

<sup>10</sup>A.L.R. 1926 Nag. 501

berkenaan adalah karib. Walaupun pihak-pihak itu mungkin bersaudara karib namun mereka mungkin tidak mempunyai kasih-sayang di antara mereka. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya keakraban tali persaudaraan itu akan menyenangkan satu pihak membuktikan wujudnya kasih-sayang semulajadi, seperti yang telah dikatakan oleh Tuan Hakim Taylor di dalam kes *Re Tan Soh Sim*<sup>11</sup>

“Di antara ibubapa dan anaknya kasih-sayang yang kukuh memanglah boleh dikatakan sentiasa wujud dan dengan itu bukti yang sedikit mengenainya adalah memadai; apabila taraf persaudaraan semakin jauh maka bukti kasih-sayang yang lebih berat adalah dikehendaki.”

Adakah suatu janji yang dibuat semata-mata dengan tujuan berbaik semula itu merupakan suatu perjanjian yang dibuat di atas kasih-sayang semulajadi? Katakanlah X dan Y adalah dua orang yang ada hubungan karib antara satu sama lain, tetapi tidak berbaik akibat dari satu pergaduhan yang serius. Katakanlah juga X dan Y sekarang membuat suatu perjanjian bertulis (tanpa balasan) yang tujuannya adalah semata-mata untuk berbaik semula. Adakah keperluan kasih-sayang semulajadi di dalam S. 26(a) itu terpenuh di sini? Di dalam kes *Bhiwa Mabadstet v. Shivaram Mabadstet*,<sup>12</sup> satu keputusan Mahkamah Tinggi di Bombay, faktanya adalah seperti berikut: Pihak-pihak berkenaan adalah dua beradik, A dan B. A telah terlebih dahulu mendakwa B untuk mendapat sebahagian harta tertentu yang dipegang oleh B. Tuntutan A itu telah ditolak. Kemudiannya, B melalui satu perjanjian berdaftar telah bersetuju memberi separuh daripada harta itu kepada A. Tujuan B berbuat sedemikian nampaknya ialah untuk berbaik dengan A. B gagal memenuhi janji itu dan A telah mendakwa. A berterus-terang mengakui di dalam Mahkamah bahawa beliau dan abangnya telah lama tidak berbaik. Kedua-dua Hakim di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Daerah telah menolak tuntutan A. Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan di sebaliknya dan telah berkata<sup>12a</sup>

<sup>11</sup> [1951] M.L.J. 21 pada m.s. 27

<sup>12</sup> (1899) 1 Bom L.R. 495

<sup>12a</sup> *Ibid.* pada m.s. 496



"... Pihak kena-tuntut telah dengan sukarela bersetuju memberi separuh daripada harta itu untuk berbaik semula dengan pihak menuntut. Walau bagaimanapun, kepada kami, nampaknya kes beginilah yang S. 25(1) harus dikenakan. Pihak kena-tuntut mempunyai kasih-sayang semulajadi kepada adiknya yang sebegitu sehingga beliau sanggup memberi separuh daripada hartanya untuk berbaik semula."

Pollock and Mulla telah mengecam keputusan ini. Mereka menulis<sup>13</sup> :

"Oleh kerana kasih-sayang semulajadi itu tidak boleh dianggap wujud hanya kerana tidak terdapat niat lain untuk perjanjian itu, maka, nampaknya, Mahkamah telah menganggapnya dari perhubungan pihak-pihak itu. Seseorang itu patutnya berpendapat bahawa anggapan itu, jika ada, telah diketepikan dengan pengakuan pihak menuntut itu sendiri. Keinginan untuk berbaik semula didorong oleh (seperti yang difikirkan oleh Hakim Yang Arif dari Mahkamah Tinggi) kasih-sayang terhadap pihak menuntut tidaklah ditunjukkan dengan jelas apabila adanya tindakan pihak kena-tuntut yang berikutnya iaitu dengan keenggannya melaksanakan kontrak dan menidakkan pihak menuntut kepada satu tindakan."

Seorang lagi penulis yang bijak, V.G. Ramachandran menyokong keputusan itu. Beliau menunjukkan bahawa fakta yang A terpaksa memfailkan satu tindakan terhadap B tidak bermakna bahawa tidak ada kasih-sayang di antara A dan B sewaktu perjanjian itu dibuat.<sup>14</sup>

Kami ingin mencadangkan bahawa di dalam kes-kes begini adalah amat mustahak bagi kita mengetahui tujuan mereka berbaik semula. Adakah ia dibuat oleh kerana keinginan kedua pihak untuk melupakan yang buruk demi untuk kasih-sayang. Jika begitu maka keperluan kasih dan sayang adalah terpenuhi. Sebaliknya pihak-pihak itu mungkin membuat keputusan untuk berbaik semula dengan tujuan-tujuan lain daripada kasih-sayang semulajadi misalnya tujuan-tujuan perniagaan. Di dalam kes sedemikian kasih dan sayang tidaklah wujud.

<sup>13</sup> Pollock and Mulla *On Indian Contract and Specific Relief Acts* (Edisi ke 9), m.s. 261-262

<sup>14</sup> V.G. Ramachandran, *Law of Contract in India* (Vol. 1), m.s. 795-796

Pembuat-janji mestilah telah membuat perjanjian itu oleh kerana kasih-sayang semulajadi terhadap penerima janji. Jika pembuat-janji membuat janjinya oleh kerana kasih dan sayang terhadap pihak ketiga, maka ia tidaklah memadai. Di dalam kes *Re Tan Soh Sim*<sup>15</sup> adalah jelas bahawa mereka yang berhak menerima harta dari segi undang-undang telah mengenyakan hak mereka oleh kerana kasih terhadap Tan Soh Sim yang penyayang dan pemurah hati.<sup>16</sup> Mereka ingin memenuhi hajatnya yang akhir. Mereka bukannya didorong oleh kasih dan sayang kepada anak-anak angkat Tan Soh Sim. Pendapat ini adalah sebab-sebab yang kedua bagi keputusan Tuan Hakim Taylor bahawa keperluan S. 26(a) adalah tidak terpenuhi.<sup>17</sup>

Suatu janji yang didorong oleh suatu perasaan kewajipan juga tidak dibuat oleh kerana kasih-sayang semulajadi. Ini adalah pendapat yang dipegang oleh Tuan Hakim Briggs di dalam kes *Re Tan Soh Sim*. Di dalam keputusannya Hakim itu telah berkata:<sup>18</sup>

“Pengenepian haknya oleh waris sah demi kementuaan mereka yang mempunyai hak yang lebih dari segi moral untuk menerima pusaka hanya menunjuk kepada suatu persaaan kewajipan, bukan semestinya kerana kasih dan sayang.”

#### HUBUNGAN KARIB

Pihak-pihak berkenaan mestilah ada hubungan karib antara satu sama lain. Ayat “ada hubungan karib antara satu sama lain” telah tidak ditakrif dengan memuaskan sama ada di India atau di Malaysia. Seorang suami dan isteri sudah tentulah termasuk ke dalam golongan ini. Di Bengal di dalam kes *Poonoo Bibee v. Fyez Buksh*,<sup>19</sup> suatu perjanjian berdaftar di bawah mana seorang suami telah bersetuju membayar pendapatannya kepada isterinya telah diputuskan sebagai sah walaupun tidak ada balasan bagi janji suami itu. Sama juga perjanjian di antara ibubapa

<sup>15</sup> [1951] M.L.J. 21

<sup>16</sup> Lihat m.s 228 rencana ini

<sup>17</sup> [1951] M.L.J. 27

<sup>18</sup> *Ibid.* pada m.s. 29

<sup>19</sup> (1874) 15 Bengal L.R.



dan anak-anak<sup>20</sup> mereka dan di antara abang dan adik<sup>21</sup> adalah di antara mereka yang ada hubungan karib di antara satu sama lain.

Perkataan "pihak-pihak yang ada hubungan karib antara satu sama lain" tidak bermakna "saudara karib." Malahan di dalam satu kes India yang memutuskan bahawa perkataan itu mestilah diberikan maknanya yang biasa dan wajar telah memutuskan bahawa perhubungan darah adalah tidak diperlukan untuk menjadikan seseorang itu ada hubungan karib dengan orang lain. Ini ialah kes *Nisar Ahmad Khan v. Rahmat Begum*.<sup>22</sup> Kes ini melibatkan satu perjanjian berdaftar yang telah disempurnakan oleh Nisar Ahmad Khan dengan mana beliau telah bersetuju membayar nafkah tertentu kepada ibu dan bapa isterinya. Tidak ada balasan untuk menampung perjanjian ini. Satu persoalan penting bagi Mahkamah ialah sama ada pihak-pihak berkenaan boleh dianggap sebagai "ada hubungan karib antara satu sama lain." Mahkamah telah menyatakan<sup>23</sup> :

"Di dalam keluarga Islam adakah suami dan isteri itu pihak-pihak yang ada hubungan karib dengan suami anak perempuan mereka? Apabila makna peruntukan ini telah dibincangkan di dalam kes-kes yang lampau nampaknya ada kecenderungan untuk menafsirkan perkataan "pihak-pihak yang ada hubungan karib" itu seperti bermakna "saudara-mara karib." Kami berpendapat makna perkataan itu tidak harus disempitkan begini. Ada banyak contoh di mana mereka yang bukannya bersaudara mengikut makna undang-undang akan tetapi ada hubungan karib di antara satu sama lain. Tetapi di dalam apa-apa keadaan pun ibubapa seorang wanita Islam adalah saudara suaminya dan kami berpendapat mereka mestilah diputuskan sebagai ada hubungan karib dengannya."

Suatu kes di Madras, *Taranata Bhatta v. Gopalakrishna Mallaya*<sup>24</sup> menunjukkan bahawa Mahkamah di India tidak bersedia menyambungkan lagi prinsip yang dikemukakan di

<sup>20</sup> Lihat *Krishnan v. Lakshmi Ammal* AIR 1950, T.C 73

<sup>21</sup> Lihat *Venkataswamy Naidu v. Rangaswamy Naidu* 13 M.L.J. (Madras Law Journal) 428

<sup>22</sup> AIR 1927 Oudh 145

<sup>23</sup> *Ibid.* pada m.s. 145-146.

<sup>24</sup> AIR 1943 Mad 591

dalam kes *Nisar Ahmad Khan*. Di dalam kes *Taranata Bhatta* isu yang timbul ialah sama ada seseorang itu dan balu adik bapa mertuanya ada hubungan karib di antara satu sama lain. Tidak hairanlah apabila Mahkamah memutuskan bahawa mereka tidak ada hubungan karib. Tuan Hakim Paranjali Sastri telah berkata<sup>25</sup> :

Soalnya, walau bagaimanapun, ialah sama ada pihak-pihak itu boleh dikatakan ada hubungan karib di antara satu sama lain. Saya telah dirujuk kepada beberapa kes mengenai perkara ini yang mana keputusan Oudh Chief Court yang dilaporkan di dalam A.I.R. 1927 Oudh 146<sup>26</sup> adalah yang paling sama dengan fakta di dalam kes ini. Dalam kes itu telah diputuskan adanya hubungan karib di antara pembuat-janji dan ibubapa mertuanya untuk tujuan S. [26(a)] akan tetapi dengan menganggap bahawa keputusan kes tersebut itu betul, saya berpendapat ia tidak boleh menolong pihak menentang oleh kerana perhubungan kedua pihak di sini adalah dua peringkat lebih jauh. Saya berpendapat dengan jelasnya pihak-pihak ini tidak boleh dikatakan ada hubungan karib di antara satu sama lain mengikut makna s. [26(a)], Akta Kontrek dan bahawa tuntutan pihak menentang mestilah gagal."

Seksyen 26(a) dan maknanya telah timbul untuk ditimbangkan di dalam kes *Re Tan Sob Sim*,<sup>27</sup> rujukan kepadanya telahpun dibuat di bahagian awal rencana ini. Adalah perlu dinyatakan fakta kes ini dengan lebih mendalam. Lebih kurang lima puluh tahun sebelum pembicaraan itu seorang yang bernama Tan telah meninggal dunia dengan meninggalkan seorang balu, Eng dan empat orang anak perempuan (anak kepada Tan) yang tuanya bernama Tan Soh Sim. Balu tersebut, Eng, telah berkahwin pula dengan seorang yang bernama Khoo dan telah mendapat dua orang anak lelaki dan lima anak perempuan (anak kepada Khoo). Tan Soh Sim, anak yang sulung daripada perkahwinan pertama Eng telah berkahwin dengan Chan. Akan tetapi mereka tidak mendapat anak. Tan Soh Sim dan Chan telah mengambil empat orang anak angkat (anak-anak angkat Chan). Chan pula mempunyai isteri kedua bernama Boey Kee.

<sup>25</sup> *Ibid.*, pada m.s. 592

<sup>26</sup> Kes *Nisar Ahmad Khan v. Rabmat Begum*

<sup>27</sup> [1951] M.L.J. 21

Apabila Chan meninggal Tan Soh Sim telah menjadi balu yang kaya. Tan Soh Sim adalah seorang yang pemurah dan perhubungannya dengan keluarga Tan, Khoo dan Chan adalah rapat.

Tan Soh Sim telah meninggal dunia tanpa meninggalkan wasiat. Mengikut Enakmen Pembahagian Harta Pesaka yang berkuatkuasa pada masa itu waris sahnya ialah anak-anak kepada Tan dan Khoo. Keluarga Chan tidak berhak mendapat bahagian daripada harta pesakanya.

Apabila Tan Soh Sim hampir mati beliau dikatakan telah memberitahu Boey Kee, madunya, bahawa apabila beliau meninggal dunia beliau mahu hartanya diserahkan kepada keempat-empat anak kepada Chan, iaitu anak-anak angkatnya. Kesemua saudara-maranya telah dipanggil. Keluarga Tan dan Khoo telah menandatangani (tanpa balasan) satu dokumen mengeneipkan hak mereka ke atas harta Tan Soh Sim bagi faedah Chan berempat. Soalnya kepada Mahkamah ialah sama ada dokumen tersebut mengikat keluarga Tan dan Khoo. Mahkamah Rayuan di Perak telah menimbangkan, *inter alia*, sama ada perjanjian itu adalah satu perjanjian di antara pihak-pihak yang ada hubungan karib di antara satu sama lain.

Tuan Hakim Taylor telah menyatakan<sup>28</sup> bahawa perkataan "hubungan" dan "karib" mestilah ditafsirkan di dalam tiap-tiap kes mengikut adat resam kumpulan pihak-pihak berkenaan. Mengikut pendapat Hakim itu seseorang yang diambil sebagai anak angkat mengikut adat Cina adalah seorang saudara. Sama ada orang itu mempunyai hubungan karib atau tidak kepada seorang lain adalah bergantung kepada kedudukan orang lain itu. Tuan Hakim Taylor kemudiannya telah berbincang berkenaan adat Cina mengenai perhubungan keluarga dan telah menunjukkan bahawa di dalam satu keluarga Cina tali persaudaraan tidaklah diikuti daripada keluarga yang perempuan melainkan di dalam kes-kes terhad mengenai bolehnya berkahwin. Beliau berkata:

"Oleh itu mengikut pandangan kaum Cina, ketiga-tiga adik-beradik Tan dan ketujuh-tujuh adik beradik Khoo, iaitu adik-beradik tiri Tan Soh Sim adalah bersaudara dengan anak-anak Chan (suami Tan Soh Sim) hanya dengan satu cara yang khas dan terhad yang bukannya karib."

<sup>28</sup> *Ibid.* pada m.s. 27

Adalah sukar untuk dinyatakan dengan tepat apa yang dimaksudkan oleh Hakim Taylor dengan pernyataan-pernyataan ini. Nampaknya beberapa bahagian daripada keputusannya memandangkan pihak-pihak itu mestilah berhubungan karib dengan makna perhubungan karib antara keluarga. Di dalam keputusan beliau tidak terdapat tekanan yang mengatakan bahawa perkataan seksyen itu adalah "*di antara pihak-pihak yang ada hubungan karib antara satu sama lain.*"

Di dalam kes yang sama Tuan Hakim Briggs menyatakan pendapatnya bahawa keadaan tertentu di dalam tiap-tiap kes hendaklah dihalusi sebelum memutuskan sama ada pihak-pihak itu ada hubungan karib di antara satu sama lain. Hakim itu telah berkata<sup>29</sup>

"Misalnya jika seorang anak yatim yang telah dibesarkan oleh seorang saudaranya yang bukan karib, akan tetapi yang paling dekat dengannya, maka saya percaya Mahkamah akan memutuskan bahawa mereka adalah 'karib' di dalam keadaan tertentu itu, walaupun di dalam keadaan biasa mereka bukannya karib."

Hakim itu mendapati bahawa di dalam kes yang dipersoalkan itu tidak terdapat apa-apa perhubungan khas yang boleh menunjukkan perhubungan karib dan telah memutuskan bahawa perhubungan tersebut adalah terlalu jauh.

Kes-kes yang dibincangkan di atas tadi tidak memberi panduan yang jelas mengenai bagaimana masalah rumit berkenaan pihak-pihak yang ada hubungan karib ini harus diputuskan. Apa yang jelas ialah pihak-pihak itu tidak perlu bersaudara karib. Nampaknya tiap-tiap kes adalah bergantung kepada keadaan tertentunya sendiri. Ugama, adat dan sifat perhubungan di antara pihak-pihak itu haruslah dihalusi.

#### KECUALIAN KEDUA

Kecualian kedua kepada keperluan balasan dinyatakan dalam S. 26(b).

Di bawah S. 26(b) suatu perjanjian tanpa balasan adalah masih sah jika ia merupakan satu janji untuk memampakan, secara keseluruhan atau sebahagian, seseorang yang:

<sup>29</sup> *ibid.* pada m.s. 29

- (a) telah dengan sukarela membuat
- (b) sesuatu untuk pembuat-janji, atau
- (c) sesuatu yang pembuat-janji boleh dipaksa di sisi undang-undang untuk membuat.

Ia tidak perlu ditulis dan suatu janji lisan adalah berkuatkuasa.

#### PERBEZAAN ANTARA S. 26(b) DAN BALASAN LAMPAU

Di sini adalah penting ditunjukkan bahawa tidak terdapat penindihan di antara S. 26(b) dengan keadaan-keadaan balasan lampau yang boleh timbul di bawah S. 2(d). Untuk S. 2(d) bertindak perbuatan atau penahanan diri itu mestilah dilakukan "di atas kehendak pembuat-janji." Seksyen 26(b) pula berkuatkuasa apabila perbuatan atau penahanan diri itu adalah secara sukarela, bukannya di atas permintaan pembuat-janji.<sup>30</sup> A meminta untuk menumpang di dalam kereta B dari Kuala Lumpur ke Klang. Pada akhir perjalanan A berjanji kepada B untuk membayar \$10.00 sebagai hadiah. Di dalam keadaan ini S. 2(d) akan berkuatkuasa oleh kerana perbuatan itu adalah di atas kehendak pembuat-janji. Cubalah kita lihat contoh yang lain. C telah terjumpa buku D yang hilang dan telah memberikannya kepada D. D berjanji membayar \$10.00 sebagai hadiah. Di sini S. 26(b) akan berkuatkuasa oleh kerana tindakan C adalah secara sukarela.

Penerima janji mestilah telah membuat suatu *atau* sesuatu yang pembuat-janji adalah dipaksa membuat mengikut undang-undang. Seksyen 26 memberi dua contoh, iaitu contoh (c) dan (d)

- (c) A telah terjumpa dompet B dan menyerahkan kepadanya. B berjanji memberi kepada A \$50.00. Ini adalah satu kontrak.
- (d) A membiayai anak kecil B. B berjanji membayar perbelanjaan A berbuat begitu. Ini adalah satu kontrak.

Satu contoh lagi yang boleh diberi untuk ayat "dipaksa membuat mengikut undang-undang;" ialah di mana A pergi bercuti

<sup>30</sup>Lihat kes *Sindba v. Abraham* (1895) 20 Bom. 755 pada m.s. 758



dan meninggalkan rumahnya kosong. Lalang dan rumput-rumpai tumbuh berkeliaran di keliling rumahnya dan mengancam kesihatan. Ini melanggar beberapa undang-undang tempatan yang menghendaki tuannya rumah menjaga kawasan di sekeliling rumah mereka supaya bersih. B, jiran A, telah secara sukarela mendapatkan pekerja untuk membersihkan lalang dan rumput-rumpai di kawasan rumah A itu. B telah membuat sesuatu yang A adalah dipaksa membuat mengikut undang-undang. Jika A, sekembalinya berjanji untuk memampakan B maka walaupun tidak ada balasan untuk janji B satu kontrak telah wujud di bawah S. 26(b).

#### PERBUATAN ATAU PENAHANAN SUKARELA

Fakta bahawa perbuatan penerima-janji, atau penahanan dirinya itu mestilah secara sukarela telah ditegaskan di dalam beberapa keputusan di India.<sup>31</sup> Di dalam kes Malaysia, iaitu *Wotherspoon and Co. Ltd. v. Henry Agency House*,<sup>32</sup> Mahkamah terpaksa menimbangkan sama ada satu daripada dua tuntutan yang dibuat oleh pihak menuntut itu boleh berjaya di bawah S. 26(b). Fakta di dalam tuntutan yang berkenaan adalah seperti berikut. Di atas permintaan pihak kena tuntutan (A) yang bertempat di Kuala Lumpur, pihak menuntut (B) yang bertempat di London telah menempah manisan-manisan tertentu untuk seorang pihak ketiga, Lam Ann Thye & Co. B dikehendaki menyerahkan manisan tersebut terus kepada pihak ketiga dan mendapat bayaran terus daripada mereka. B telah memperolehi manisan itu dari sebuah firma Belanda dan telah membayar harganya dengan penuh kepada firma Belanda tersebut. Manisan itu telah dihantar dengan wajarnya kepada Lam Ann Thye and Co. Lam Ann Thye telah tidak mampu membayar dan pihak menuntut hanya telah dibayar 35% daripada harga manisan itu. B pun menuntut kepada pihak kena tuntutan untuk mendapat bakinya. Di antara surat-an yang dihantarkan di antara A dan B ialah sepucuk surat di dalam mana A telah menyatakan bahawa mereka sanggup menanggung segala tanggungan sekiranya Lam Ann Thye & Co. tidak membayar harga

<sup>31</sup> Kes yang terkenal ialah *Raja of Venkatagiri v. Sri Krishnayya* AIR 1948 P.C. 150. Lihat juga *Kalipada Das v. Durgadas Roy* AIR 1923 Cal. 677

<sup>32</sup> [1962] M.L.J. 86

penempahan itu. Mahkamah telah berpendapat mengikut fakta-fakta kes itu, bahawa tidak terdapat balasan bagi janji itu. Kami tidak akan membincangkan keputusan Mahkamah bahawa balasan tidak wujud untuk janji itu. Apa yang akan kami dalam di sini ialah percubaan pihak menuntut untuk mengatasi ketiadaan balasan ini dengan bergantung kepada S. 26(b).

Tuan Hakim Suffian (sebagaimana beliau dikenali semasa itu) memutuskan bahawa S. 26(b) tidak boleh dipakai kerana penerima janji, B telah tidak bertindak secara sukarela, iaitu dia telah bertindak di atas permintaan pembuat-janji A. Hakim yang arif itu telah berkata<sup>33</sup> :

"Di dalam kes ini pihak menuntut telah mendapatkan sebuah syarikat untuk pihak kena-tuntut di negeri Belanda yang sanggup menjual manisan kepada Lam Ann Thye & Co. Telah diperakukan bahawa tindakan ini dibuat di atas permintaan firma yang kena tuntutan. Jika tindakan itu dilakukan "selepas suatu perjanjian untuk membayar upah tertentu," maka mengikut keputusan di dalam kes *Kalipada Das v. Durgadas Roy*,<sup>34</sup> pihak menuntut tidak melakukan apa yang dibuatnya untuk firma yang kena tuntutan secara 'sukarela.' Tetapi di dalam kes ini pihak menuntut telah membuat apa yang dibuatnya itu di atas cadangan firma yang kena tuntutan tanpa sebarang perjanjian dari firma tersebut untuk membayar apa-apa upah. Adakah perbuatan sedemikian "secara sukarela?" Saya tidak mendapat apa-apa kes berkaitan dengan perkara ini. Ordinan Kontrak (Negeri-Negeri Melayu) sendiri tidak mentakrifkan "sukarela". Mengikut nota (d) pada muka surat 204 edisi ke 8 buku Pollock & Mulla mengenai Akta Kontrak India, Whitley Stokes, yang telah menolong menggubal Akta India itu telah berpendapat yang perkataan itu bermakna "selain daripada di atas kehendak pembuat-janji." *The Shorter Oxford Dictionary* mentakrifkan tindakan sukarela sebagai tindakan yang dilakukan atau dibuat di atas kehendak sendiri yang bebas, dorongan atau pilihan sendiri, bukannya dipaksa disuruh atau dicadangkan oleh orang lain."

Memandangkan ini, dengan memberi makna yang digunakan hari-hari kepada perkataan "sukarela," saya berpendapat bahawa perbuatan yang telah dibuat oleh pihak menuntut untuk firma yang kena-tuntut di atas permintaan firma itu telah tidak dilakukan secara sukarela dan dengan itu janji yang telah dibuat tanpa balasan oleh firma yang kena tuntutan itu untuk memampaskan pihak menuntut bukanlah satu kontrak."

<sup>33</sup> *Ibid.* pada m.s. 88

<sup>34</sup> AIR 1923 Cal. 677



## TINDAKAN SUKARELA MESTILAH UNTUK PEMBUAT-JANJI

Tindakan sukarela mestilah dilakukan untuk pembuat-janji. Di dalam kes rayuan *Durga Prasad v. Baldeo*,<sup>35</sup> di Allahabad faktanya adalah seperti berikut. Di atas permintaan pemungut daerah di mana dia tinggal, pihak menuntut, A, dengan menggunakan perbelanjaannya sendiri, telah membuka sebuah pasar. Tujuan A berbuat sedemikian ialah untuk mengambil hati pemungut tersebut. Selepas A membina pasar itu, B telah menandatangani satu perjanjian untuk membayar komisen tertentu kepada A di atas harga barang-barang B yang dijual di pasar itu. B telah membuat janji ini oleh kerana A telah menggunakan wangnya sendiri dalam membinakan pasar tersebut. Pasar itu bukannya dibina untuk B dan bukan pula B yang meminta pasar sedemikian dibina. Dengan itu tidak ada balasan bagi janji B. Mahkamah memutuskan bahawa perjanjian tersebut tidak boleh dikuatkuasakan. Seksyen 26(b) tidak boleh dipakai oleh kerana A telah membuat tindakan sukarela itu untuk pemungut dan bukannya untuk B. Hakim O'field telah berkata<sup>36</sup>:

"Perjanjian itu membisu tentang ciri balasan terhadap janji itu, dan alasan untuk membuat janji tersebut adalah hanya perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak menuntut dalam membuka pasar itu; tetapi adalah jelas bahawa apa-apa yang dilakukan sebegini adalah bukan "di atas permintaan" pihak kena tuntutan untuk ia menjadi balasan dan Hakim [yang membicarakannya] telah dengan jelas mendapati bahawa keadaannya tidak meletakkan perkara ini ke bawah [S. 26(b)] sebagaimana yang dikatakan. Untuk meletakkannya ke dalam bidang [S. 26(b)] mestilah dibuktikan bahawa apa yang telah dilakukan itu adalah secara sukarela oleh pihak menuntut "untuk pembuat-janji" atau "sesuatu yang pembuat-janji boleh dipaksa membuat di sisi undang-undang" dan Hakim tersebut telah mendapati bahawa perkara ini telah tidak dibuktikan. Beliau berkata yang beliau tidak dapat melihat dengan jelas apakah yang telah dibuat oleh pihak menuntut untuk pihak kena tuntutan, dan bahawa apa yang telah dilakukannya itu adalah untuk mengambil hati pemungut. Malahan apabila pihak menuntut membuka pasar itu dia tidak pernah ingat akan pihak kena tuntutan dan tidak ada apa-apa yang telah dilakukan untuk pihak kena-tuntut."

<sup>35</sup> (1880) 3 All 221

<sup>36</sup> *ibid.* pada m.s. 22

**NIAT MESTILAH UNTUK MEMBERI PAMPASAN**

Niat pembuat-janji dalam membuat-janji itu mestilah untuk memberi pampasan kepada penerima-janji. Jika dia tidak mempunyai niat ini maka S. 26(b) tidaklah terpakai. Di dalam kes *Abdallakban Daryakban v. Purshottain Damodar*<sup>37</sup> faktanya adalah seperti berikut: Anak lelaki D telah pergi ke Afrika Selatan dalam tahun 1920 sebagai seorang peniaga. Dia telah menghantar wang yang besar jumlahnya kepada D. Mahkamah mendapati bahawa wang itu adalah pemberian daripada anaknya. Di dalam tahun 1929 D telah terhutang dengan banyaknya kepada beberapa sipiutang. Pada 19hb Oktober 1929 D telah melaksanakan satu suratikatan memindahmilik semua tanahnya kepada anaknya. Suratikatan tersebut telah didaftarkan pada 21hb Oktober. Pada hari yang sama P telah memulakan tindakan Mahkamah untuk mendapat balik hutangnya daripada D. Selepas mendapat hukuman terhadap D, P cuba mendapatkan pengisytiharan yang suratikatan D yang telah dilaksanakan pada 19hb Oktober 1929 itu adalah satu frod. Di antara pembelaan-pembelaan yang ditimbulkan ialah S. 26(b) iaitu bahawa suratikatan tersebut telah dilaksanakan untuk membuat pampasan kepada anaknya atas pemberian wang oleh anaknya secara sukarela. Pembelaan ini gagal. Niat D yang sebenarnya bukanlah untuk membuat pampasan tetapi adalah untuk menipu sipiutang-sipiutangnya.

**KECUALIAN KETIGA**

Sebelum kami membincangkan pengecualian yang ketiga adalah penting ditunjukkan di sini bahawa seksyen 6 kepada Ordinan Batasan 1953 telah memperuntukkan bahawa suatu tindakan yang berasas kepada kontrak hendaklah jangan dibuat selepas luputnya enam tahun dari tarikh bila mana alasan tindakan itu bermula.

Kecualian ketiga bagi keperluan balasan disediakan oleh S. 26(c). Balasan tidak perlu dibuktikan sekiranya perjanjian itu ialah sesuatu janji yang dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang menanggungnya, atau oleh ajennya, yang diberi kuasa secara am atau khusus untuk maksud itu, supaya membayar keseluruhan atau sebahagian daripada sesuatu

<sup>37</sup> AIR 1948 Bom 265

hutang, yang pembayarannya boleh dikuatkuasakan oleh si-piutang seandainya tidak ada undang-undang mengenai batasan guaman. Ini bermaksud sungguhpun satu hutang yang dihalang oleh had masa tidak boleh dituntut lagi, hutang itu mendapat nyawa baharu sekiranya orang yang menanggungnya atau ajennya membuat janji untuk membayarnya dan janji itu dibuat dengan bertulis dan ditandatangani.

Seksyen 26(c) adalah tidak begitu berguna di Malaysia kerana tidak berkesan akibat dari peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Ordinan Batasan 1953 kita.

Seksyen 26(2) kepada Ordinan Batasan 1953 yang *pari materia* dengan S. 23(4) kepada Akta Inggeris, Limitation Act 1939, setakat mana yang penting berbunyi begini:

"Di mana berkumpulnya beberapa hak tindakan untuk mendapat balik sebarang hutang atau sejumlah wang yang sudah ditentukan... dan orang yang bertanggung atau harus memberi akaun untuknya mengakui tuntutan tersebut atau membuat apa-apa bayaran berkaitan dengannya, maka hak tersebut hendaklah dianggap terkumpul pada dan bukan sebelum tarikh pengakuan tersebut atau pembayaran yang terakhir."<sup>38</sup>

Lagipun mengikut S. 27(1) Ordinan Batasan 1953 pengakuan tersebut mestilah secara bertulis dan ditandatangani oleh siberhutang. Dengan syarat formaliti ini dipatuhi, sekiranya wujud satu pengakuan mengenai satu hutang atau satu tuntutan sejumlah wang yang sudah ditentukan, maka jangkamasa hutang itu akan bermula semula dan pihak menuntut mempunyai enam tahun lagi untuk mengambil tindakan.

Perkara yang paling mustahak ialah sesuatu pengakuan boleh dibuat sama ada sebelum atau selepas jangkamasa batasan itu berakhir.<sup>39</sup> Siberhutang adalah bertanggung di atas satu pengakuan bertulis mengenai hutangnya atau tuntutan sejumlah wang yang sudah ditentukan yang sebenarnya tidak boleh lagi dikuatkuasakan terhadapnya kerana dibataskan oleh statut. Misalnya kita menganggap yang A telah

<sup>38</sup> Seksyen 26(2) telah dibincangkan dan dipakai oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Wee Tiang Heng v. Ong Chong Hooi* [1978] 2 M.L.J. 54

<sup>39</sup> Lihat *Chitty on Contracts* (Vol. 1) (Edisi ke 24), m.s. 820; Treitel, *The Law of Contract* (Edisi ke 5) m.s. 63; Cheshire and Fifoot, *Law of Contract* (Edisi ke 9) m.s. 623; *Anson's Law of Contract* (Edisi ke 25) m.s. 589

meminjamkan \$10,000 kepada B di dalam tahun 1970 dan B berjanji akan membayarnya dalam tahun 1971. B telah gagal membayar wang tersebut akan tetapi A tidak pula mengambil apa-apa tindakan terhadap B. Di dalam tahun 1979 B telah mengaku bahawa beliau berhutang \$10,000 daripada A. Walaupun hutang tersebut telah disekat oleh statut dalam tahun 1977, tetapi pengakuan B telah memberi masa permulaan yang baru bagi tindakan A terhadap B. Persoalan untuk mentakrifkan perkataan "mengaku akan tuntutan" itu telah disentuh oleh Tuan Hakim Kerr di dalam kes *Surrendra Ltd. v. Govt. of Sri Lanka*.<sup>40</sup> Tuan Hakim itu selepas merujuk kepada tiga kes Inggeris<sup>41</sup> yang lampau, telah berkata<sup>42</sup> :

Apa yang saya faham daripada kes-kes itu, dan daripada makna biasa kepada "mengaku akan tuntutan itu" ialah siberhutang mestilah mengaku akan hutangnya dan tanggungan undang-undangnya untuk membayar tuntutan yang dipersoalkan. Sekarang tidak perlu lagi dikaji untuk mencari janji tersirat bagi membayarnya. Perkara yang dibuat itu telah diketepikan. Tetapi, dengan mengambil pernyataan siberhutang secara keseluruhannya, sebagaimana yang patut, dia hanya boleh dikatakan telah mengaku akan tuntutan itu jika dia telah, pada hakikatnya, mengaku akan tanggungan undang-undangnya untuk membayar apa yang pihak menuntut cuba dapatkan balik. Jika dia telah menolak tanggungannya, sama ada dengan alasan apa yang dikatakan mengikut bahasa *pleader* sebagai "pengelakan," atau dengan alasan apa yang dikatakan penolakan atau tuntutan berselisih, maka pernyataannya tidaklah menjadi satu pengakuan akan tuntutan sipiutang. Atau pun, jika dia menyatakan yang beberapa penolakan atau tuntutan berselisih yang ada telah mengurangkan sebahagian daripada tuntutan sipiutang, maka pernyataan tersebut, diambil secara keseluruhannya, hanya boleh menjadi pengakuan akan hutang untuk bakinya sahaja. Pada hakikatnya, "pengakuan akan tuntutan itu" bermakna bahawa pernyataan yang dipersoalkan itu mestilah satu pengakuan (oleh siberhutang) penanggungan hutang yang cuba dituntut oleh pihak menuntut tanpa mengira luputnya tarikh batasan."

<sup>40</sup> [1977] 1 W.L.R. 565

<sup>41</sup> *Good v. Parry* [1963] 2 Q.B. 418; *Dungate v. Dungate* [1965] 1 W.L.R. 1477; *In re Flynn* [1969] 2 Ch. 403. *Good v. Parry* telah digunakan sebagai nas dalam kes Malaysia *Wee Tiang Teng v. Ong Chong Hooi* [1978] 2 M.L.J. 54. Soalan pending dalam kes *Wee Tiang Heng* adalah sama ada mengikut fakta kes itu satu pengakuan telah wujud atau tidak.

<sup>42</sup> [1971] 1 W.L.R. 565 pada m.s. 575

Apa yang penting bagi sesuatu pengakuan untuk tujuan mem-  
baharui jangkamasa adalah hanya satu pengakuan bahawa  
hutang itu masih lagi terhutang. Tidak perlu adanya satu *janji*  
yang nyata atau tersirat untuk membayar hutang itu.

Apabila dipandang dari satu segi, seksyen 26(c) kepada Akta  
Kontrak 1950 adalah sama dengan peruntukan Ordinan Batasan  
1953 yang juga memerlukan satu dokumen yang bertulis dan  
bertandatangan. Tetapi ia adalah berbeza daripada seksyen  
26(2) kepada Ordinan Batasan iaitu sebelum ia boleh berkuat-  
kuasa ia memerlukan satu *janji* daripada pembuat-janji untuk  
membayar satu hutang yang disekat oleh batasan. Satu pen-  
gakuan mengenai satu hutang tidaklah menjadi satu janji untuk  
membayar hutang itu, tetapi satu janji untuk membayar hutang  
juga bererti satu pengakuan bahawa hutang itu masih wujud.  
Oleh kerana satu janji yang diperlukan oleh seksyen 26(c)  
kepada Akta Kontrak akan meliputi satu pengakuan yang di-  
kehendaki oleh seksyen 26(2) kepada Ordinan Batasan dan oleh  
kerana satu pengakuan itu boleh dibuat selepas masa batasan  
telah luput, maka seksyen 26(2) bolehlah meliputi tiap-tiap  
keadaan yang boleh muncul di bawah seksyen 26(c).

Di India penindihan di antara S. 26(c) dan peruntukan  
mengenai pengakuan tidak boleh terjadi. Seksyen 19(1) kepada  
Limitation Act 1908 di India berbunyi seperti berikut:

*"Jika sebelum berakhirnya jangkamasa yang ditentukan untuk suatu  
dakwaan atau permohonan berkaitan dengan mana-mana harta atau  
hak, suatu pengakuan tanggungan mengenai harta atau hak tersebut  
oleh pihak kena tuntutan, atau oleh sesiapa yang melaluinya pihak kena  
tuntutan memperolehi nama atau tanggungan itu, maka satu jangkamasa  
batasan yang baru akan dikira dari masa pengakuan itu ditandatangani  
sebegitu."*

Perkara yang penting diperhatikan ialah di India satu pengakuan  
di bawah Limitation Act India adalah perlu dibuat sebelum  
luputnya jangkamasa batasan. Berlainan di Malaysia dan  
England di mana satu pengakuan boleh dibuat bila-bila masa  
sebelum atau selepas luputnya jangkamasa tersebut. Perbezaan  
di antara satu pengakuan dan satu janji adalah juga mustahak di  
India. Jika S. 26(c) hendak dikuatkuasakan maka pihak me-  
nuntut haruslah membuktikan satu janji. Satu pengakuan sahaja  
bukanlah satu janji. Jika dia hanya boleh menunjukkan satu



pengakuan sahaja maka dia mestilah bertindak di bawah Limitation Act India dan ini mungkin tidak berkesan jika jangkamasa batasan telah luput. Jika dia bergantung kepada satu dokumen yang dibuat selepas jangkamasa batasan dia mestilah membuktikan bahawa dokumen tersebut mengandungi satu janji. Banyak kes di India telah membincangkan sama ada kata-kata di dalam satu dokumen itu adalah satu janji atau tidak. Di dalam kes *Hargopal Premasukdas v. Abdul Khan Haji Muhammad*<sup>43</sup> di Bengal perkara-perkara yang berkaitan adalah: "telah membaca perkara demi perkara dan membandingkan akaun dan mendapatinya betul." Ini telah diputuskan bukan satu janji untuk membayar tetapi hanyalah penyelesaian satu baki. Di dalam kes *Bashernath v. Baij Nath*<sup>44</sup> kata-katanya adalah begini: "Akaun bahi itu selepas disemak dan difahami, didapati jumlah Rs. 6459-6 adalah terhutang oleh saya dan mana-mana anak lelaki yang remaja, yang penjaga mereka yang sah adalah saya, dan kepada firma Gobind Pershad Sibban dan saya mengaku bahawa akuan itu adalah terhutang oleh saya." Ini juga telah diputuskan sebagai hanya satu pengakuan. Di dalam kes *Tewari Deoraj v. Indrasin Tewari*<sup>45</sup> kata-kata pembuat-janji ialah: "Memeriksa akaun. Akaun itu betul." Sekali lagi kata-kata itu telah diputuskan sebagai satu pengakuan sahaja dan bukannya satu janji. Di dalam tiap-tiap kes di atas pihak menuntut tidak boleh berjaya di bawah S. 26(c) oleh kerana dia telah gagal menunjukkan satu janji. Dia hanya bergantung kepada S. 19(1) kepada Limitation Act jika dokumen-dokumen yang dilaksanakan itu adalah sebelum jangkamasa batasan. Di Malaysia tiap-tiap kes di atas itu mungkin boleh berjaya di bawah S. 26(2) kepada Limitation Ordinance 1953 dengan tidak mengira bila janji itu dibuat oleh kerana satu pengakuan boleh dibuat walaupun selepas jangkamasa batasan telah luput.

#### PENUTUP

Di dalam rencana ini kami telah menghadkan perbincangan kepada ketiga-tiga pengecualian kepada keperluan balasan

<sup>43</sup> [1872] 9 B.H.C.R. 429

<sup>44</sup> AIR 1938 Lah 264

<sup>45</sup> AIR 1929 Pat 258

seperti yang terdapat di dalam S. 26 kepada Akta Kontrak 1950. Kami tidak mencuba atau akan mencuba membincangkan pengecualian-pengecualian lain, yang sebenarnya atau yang mungkin wujud di dalam undang-undang kita. Namun begitu rujukan-rujukan yang ringkas perlu dibuat kepada satu pengecualian lagi yang terdapat di dalam Akta Kontrak (Pindaan) 1976 dan dua pengecualian di bawah Akta Kontrak 1950.

Yang pertama, seksyen 4 kepada Akta Kontrak (Pindaan) 1976 memperuntukkan bahawa tidak ada perjanjian biasiswa yang boleh ditaksahkan dengan alasan bahawa suatu perjanjian sedemikian tidak mempunyai balasan. Di sini perlulah ditunjukkan bahawa Akta itu hanyalah terpakai untuk perjanjian biasiswa di antara seorang penuntut dengan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau sebuah badan berkanun atau "sebuah institusi pengajaran yang disahkan."<sup>46</sup> Istilah *perjanjian biasiswa* itu juga adalah mempunyai makna yang luas seperti yang terdapat di dalam seksyen takrifan (s. 2) kepada Akta itu.

Yang kedua, seksyen 138 memperuntukkan bahawa balasan tidak diperlukan untuk mewujudkan sebuah agensi. Di sini tidak perlu bagi kami membuat apa-apa komen.

Ketiganya, S. 64 memperuntukan bahawa:

Tiap-tiap penerima janji boleh membebaskan atau mengurangkan sebahagian atau keseluruhan daripada pelaksanaan janji yang telah dibuat kepadanya, atau boleh melanjutkan tempoh untuk pelaksanaan sedemikian itu, atau boleh menerima sebagai gantinya sebarang pemenuhan janji yang difikirkannya berpatutan."

Seksyen ini berlainan benar dengan undang-undang Inggeris. Anson menggulungkan kedudukan Inggeris apabila beliau menulis bahawa "doktrin balasan terpakai untuk pelepasan dan juga untuk pembentukan kontrak."<sup>47</sup> Di England di mana kedua-dua pihak kepada satu kontrak telah tidak melaksanakan tanggungan masing-masing, maka kontrak itu bolehlah di-

<sup>46</sup>"Sebuah institusi pengajaran yang disahkan" ialah mana-mana institusi atau badan yang diisytiharkan sedemikian oleh Menteri di dalam Warta Kerajaan.

<sup>47</sup>Lihat *Anson's Law of Contract* (Edisi ke 25) m.s. 482



perlepaskan dengan suatu perjanjian bersama. Undang-undang menganggap tindakan mercka menghapuskan hak masing-masing untuk mendapat pelaksanaan sebagai balasan. Tetapi di mana satu pihak (A) telah melaksanakan tanggungjawabnya dan pihak yang lain itu (B) masih belum membuatnya maka keadaannya adalah berlainan. Jika A melepaskan B daripada keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipan B, maka pelepasan A mestilah dengan cara sama ada kontrak yang dimeterikan atau ditampung oleh balasan.<sup>48</sup> Sama juga (melainkan di dalam kes-kes tertentu yang khas) satu jumlah yang lebih kecil yang telah diterima oleh sipiutang sebagai memenuhi keseluruhannya kesemua hutang tidak akan menghapuskan hutang itu.<sup>49</sup>

Di Malaysia kesan seksyen 64 ialah jika seseorang yang berhak mendapat pelaksanaan telah membuat satu pengenehan, pelepasan atau melanjutkan masa secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, maka tindakan orang itu adalah mengikatnya walaupun tanpa balasan. Mengikut S. 64 prinsip bahawa satu pengenehan tanpa balasan adalah mengikat pembuat-janji telah dipakai dalam kes *Pan Ab Ba v. Nanyang Construction Sdn. Bhd.*,<sup>50</sup> satu keputusan Mahkamah Persekutuan Malaysia. Mahkamah juga telah menerima pembayaran satu jumlah yang lebih kecil sebagai memenuhi sejumlah yang lebih besar secara keseluruhannya dan melepaskan hutang itu. Dalam kes *Kerpa Singh v. Bariam Singh*<sup>51</sup> sipiutang telah menerima \$4,000 sebagai memenuhi tuntutan sebanyak \$8,864.94. Mahkamah Persekutuan telah memakai S. 64 dan memutuskan bahawa penerimaan \$4,000 itu telah menghapuskan hutang sebanyak \$8,869.94. Jelaslah bahawa dalam hal pengecualian kepada

<sup>48</sup> Lihat *Chitty on Contracts* (Vol. 1) (Edisi ke 24) m.s. 641 Cheshire and Fifoot, *Law of Contract* (Edisi ke 9) m.s. 540 *Anson's Law of Contract* (Edisi ke 25) m.s. 483

<sup>49</sup> Lihat *Chitty (op. cit)* m.s. 96-103; Cheshire and Fifoot (*op. cit*) m.s. 99; *Anson (op. cit)* m.s. 108 - 121.

<sup>50</sup> [1969] 2 M.L.J. 181

<sup>51</sup> [1966] 1 M.L.J. 38

keperluan balasan undang-undang Inggeris dan Malaysia mempunyai banyak perbezaan.

P. Balan\* dan  
Rafiah Salim\*

\*Pensyarah Undang-Undang  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Malaya

## EXPERT TESTIMONY – SOME REFLECTIONS FROM MALAYSIA\*

The reception of expert opinion evidence in the law of Malaysia is regulated by section 45 of the Evidence Act.<sup>1</sup> According to Cross on Evidence, any inference drawn from observed facts would constitute an opinion.<sup>2</sup> The general rule or what has been termed the "orthodox doctrine"<sup>3</sup> is that opinions based on inferences are irrelevant. The rationale embodying the exclusionary rule has been stated as follows:<sup>4</sup>

[The exclusionary rule] endeavours to save time and avoid confusing testimony by telling the witness: "The tribunal is on this subject in possession of the same material or information as yourself; thus, as you can add nothing to our materials for judgment, your further testimony is unnecessary and merely cumbers the proceedings".

The general rule excluding evidence of opinion is subject to a list of exceptions.<sup>5</sup> The rationale for the inclusionary rule has been set out in the following terms:<sup>6</sup>

Since most human discourse is largely made up of opinions, an insistence that no statements of opinion be made would be unworkable. Expert opinions are necessary to point out to laymen the inferences they cannot themselves draw, and non-expert opinions must be admitted where this is convenient in the interests of a reasonably normal prose during the giving of testimony.

\*The author wishes to express his sincere gratitude to Professor Ahmad Ibrahim for kindly consenting to read the manuscript and making valuable suggestions. This does not however relieve the author of sole responsibility for any opinions expressed or errors committed.

<sup>1</sup>No. 11 of 1950.

<sup>2</sup>Rupert Cross, *Law of Evidence* (1979) 442. See also J.D. Heydon, *Cases and Materials on Evidence* (1975) 369.

<sup>3</sup>J.D. Heydon, *op. cit.* 369.

<sup>4</sup>Wigmore, *Law of Evidence*, Vol. 7 paragraph 1918.

<sup>5</sup>Evidence Act, sections 45–51.

<sup>6</sup>J.D. Heydon, *op. cit.* 369.